

05/09/1997

Proton ganti kereta mewah

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua agensi dan syarikat kerajaan diarah menggunakan kereta nasional keluaran Proton sebagai kenderaan rasmi berkuatkuasa serta merta.

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumumkan langkah berjimat-cermat itu, turut mengarahkan agensi dan syarikat kerajaan menghentikan import kenderaan, mesin dan produk yang boleh diperolehi di pasaran tempatan.

Arahan itu, yang diputuskan oleh Kabinet semalam, adalah sebahagian kaedah segera kerajaan mengurangkan aliran keluar wang dalam usaha menangani krisis kejatuhan nilai ringgit.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, sebahagian lagi langkah berjimat cermat akan diumumkan pada Belanjawan 1998 yang akan dibentangkan 17 Oktober depan.

"Ramai mempersoal dan mengkritik kerajaan berhubung langkah yang diambil dalam menangani krisis mata wang. Kita sebenarnya mengambil langkah drastik termasuk mengurangkan import.

"Dalam hubungan ini, kita sudah pun mengambil beberapa langkah, contohnya semua agensi dan syarikat kerajaan tidak dibenarkan mengimport barangan kecuali produk berkenaan tidak didapati di pasaran tempatan," katanya.

Kerajaan pernah mengambil langkah berjimat ketika kemelesetan ekonomi melanda dunia di sekitar awal 1980-an, yang turut menjejaskan ekonomi Malaysia.

Dr Mahathir mengumumkan pada Jun 1982 beberapa langkah berjimat cermat termasuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan menerusi pengurangan peruntukan. Kerajaan juga meminta rakyat berjimat cermat, mengelakkan pembaziran dan menggalakkan pelaburan.

Selain pengurangan peruntukan pembangunan, pihak tertentu seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan kerajaan negeri turut menyelaraskan perbelanjaan masing-masing antaranya membekukan projek kurang penting.

Malah ketika itu, Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam bersedia menerima pemotongan gaji masing-masing sebagai langkah penjimatan wang negara.

(END)